

STPM/S900

**PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)**

**PENGAJIAN AM
Sukatan Pelajaran
dan Soalan Contoh**

Sukatan pelajaran ini digunakan bagi peperiksaan tahun 2005 dan tahun-tahun seterusnya sehingga diberitahu.



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KANDUNGAN
Sukatan Pelajaran 900 Pengajian Am

	<i>Halaman</i>
Pengenalan	1
Matlamat	1
Objektif	1
Kandungan Sukatan Pelajaran	2 – 14
Bentuk Peperiksaan	15
Senarai Rujukan	17
Soalan Contoh:	
Kertas 1	18 – 41
Kertas 2	42 – 50

900 PENGAJIAN AM

Pengenalan

Liputan sukatan pelajaran Pengajian Am amat luas. Kandungannya begitu luwes untuk mengambil kira variasi sumber dan tenaga pengajar. Peperiksaan bagi mata pelajaran ini pula menguji pengetahuan dan kemahiran calon yang diperolehi daripada semua bidang pengetahuan yang dipelajari, tidak semata-mata tertumpu kepada tajuk yang dibincangkan di dalam bilik darjah. Dengan demikian, calon seharusnya dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mereka kepada masalah dan isu yang bersifat pelbagai disiplin dan antara disiplin. Ciri inilah yang memberikan identiti yang tersendiri kepada mata pelajaran ini.

Matlamat

Matlamat sukatan pelajaran Pengajian Am adalah untuk melahirkan pelajar prauniversiti yang berfikiran matang dan bermaklumat serta berupaya menyampaikannya secara berkesan sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Objektif

Objektif sukatan pelajaran Pengajian Am adalah untuk membina

- (a) kemahiran mengeluarkan fikiran yang logik, teratur, dan berkesan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi,
- (b) kebolehan memahami dan mengulas teks linear secara kritis dan objektif,
- (c) kebolehan mentafsir dan menganalisis pelbagai bentuk teks linear dan bukan linear,
- (d) kefahaman dan penghayatan tentang kenegaraan Malaysia dari perspektif sejarah dan semasa,
- (e) keprihatinan terhadap perkembangan pembangunan negara, dasar-dasar negara, dan isu-isu semasa,
- (f) kebolehan memahami dan menghayati saling kaitan pelbagai disiplin ilmu dan pengalaman.

Bahagian Bentuk Komunikasi (Anggaran 216 waktu)

Tajuk	Huraian	Catatan
<p>1. Disiplin ilmu</p> <p>1.1 Pengenalan</p> <p>1.2 Disiplin sastera</p> <p>1.3 Disiplin sains</p> <p>1.4 Tugasan</p>	<p>(a) Konsep disiplin ilmu</p> <p>(b) Laras bahasa</p> <p>Bidang:</p> <p>(a) Sains Sosial – sosiologi, antropologi, pendidikan, politik, ekonomi, psikologi, geografi, pelancongan, komunikasi, dan alam sekitar</p> <p>(b) Kemanusiaan – sejarah, falsafah, keagamaan, kebudayaan, sukan, bahasa dan linguistik, perundangan, kesusasteraan, dan peradaban</p> <p>Bidang:</p> <p>(a) Sains tulen – fizik, kimia, biologi, dan matematik</p> <p>(b) Sains gunaan – kejuruteraan, perkomputeran, perakaunan, dan alam sekitar</p> <p>(c) Perubatan dan kesihatan – pencegahan, perawatan dan pengesanan</p> <p>(a) Memahami bentuk disiplin supaya dapat menjana idea-idea dalam membincangkan permasalahan/ persoalan</p> <p>(b) Mengeluarkan idea yang berorientasikan pelbagai disiplin daripada teks linear</p> <p>(c) Mengeluarkan idea yang berorientasikan pelbagai disiplin daripada teks bukan linear</p>	<p>Memahami konsep-konsep asas yang berbeza mengikut bidang disiplin yang berkaitan melalui pembacaan</p> <p>Membincangkan apa-apa jua maklumat yang relevan dengan isu dan disiplin yang berkaitan</p> <p>Membincangkan apa-apa jua maklumat yang relevan dengan isu dan disiplin yang berkaitan</p> <p>Proses yang terlibat: memahami, menstruktur, mengaplikasi, menganalisis, mensintesis, dan menilai</p> <p>Perbincangan perlu dikaitkan dengan isu-isu semasa</p> <p>Perbincangan hendaklah mengambil kira tugasan-tugasan yang disenaraikan</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
<p>2. Kebahasaan</p> <p>2.1 Sistem bahasa</p> <p>2.2 Aspek teknikal</p> <p>2.3 Kekesanan</p>	<p>(a) Ejaan</p> <p>(b) Frasa</p> <p>(c) Struktur ayat</p> <p>(a) Tanda baca</p> <p>(b) Istilah</p> <p>(c) Pemerenggan</p> <p>(a) Diksi</p> <p>(b) Kelancaran</p> <p>(c) Kejelasan</p>	<p>Memahami, menguasai dan menggunakannya secara betul dalam tugas</p> <p>Menggunakan bahasa yang berkesan dan mapan dalam menyempurnakan tugas</p>
<p>3. Bentuk teks</p> <p>3.1 Teks linear</p> <p>3.2 Teks bukan linear</p>	<p>Mengenali jenis teks linear yang lazim:</p> <p>(a) Deskriptif</p> <p>(b) Naratif</p> <p>(c) Informatif</p> <p>(d) Penghujahan</p> <p>(e) Penilaian</p> <p>Mengenali jenis teks bukan linear yang lazim:</p> <p>(a) Jadual – antara dan dalam sektor; dalam sektor sahaja</p> <p>(b) Graf (media berpaksi) – garis dan bar; kompaun dan komponen; mudah dan kompleks</p> <p>(c) Carta – (media tanpa paksi) pai, aliran; mudah dan kompleks</p> <p>(d) Gambar rajah (piktograf)</p>	<p>Tumpuan diberi kepada ciri dan gaya penulisan</p> <p>Tumpuan diberi kepada aspek-aspek pemboleh ubah, kesesuaian teknikal, ketepatan isi, dan kejelasan</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
3.3 Tugas	<p>(a) Teks linear</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Memahami isi kandungan yang tersurat dan tersirat (ii) Mengemukakan idea secara logik dan sistematik (iii) Menganalisis fakta dan data yang diberi (iv) Membuat penghitungan (v) Membuat taakulan <p>(b) Teks bukan linear</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Mengenali dan memahami ciri teks bukan linear (ii) Memilih dan membina media teks bukan linear yang sesuai (iii) Memindah dan membina media teks bukan linear daripada teks linear 	<p>Mengemukakan idea yang jitu, huraian yang jelas, bahasa yang betul dan lancar</p> <p>Mengemukakan ciri-ciri analisis yang jelas dan berfokus</p> <p>Tumpuan diberi kepada aspek-aspek pemboleh ubah, kesesuaian teknikal, ketepatan isi, dan kejelasan</p>

Bahagian Kenegaraan Malaysia (56 waktu)

Tajuk	Huraian	Catatan
1. Konsep Kenegaraan	<p>(a) Konsep negara</p> <p>(b) Sistem kerajaan: kesatuan, konfederasi, dan persekutuan</p> <p>(c) Bentuk negara: monarki, republik, demokrasi, dan autokrasi</p> <p>(d) Pengasingan kuasa: pentadbiran, perundangan, dan kehakiman</p>	<p>Mengenal ciri-ciri</p> <p>Mengenal perbezaan</p> <p>Mengenal perbezaan</p> <p>Mengenal konsep, sistem, dan struktur</p>
2. Perlembagaan	<p>(a) Takrif dan konsep</p> <p>(b) Jenis: Bertulis dan tidak bertulis</p>	Ketertinggian perlembagaan
3. Perlembagaan Malaysia	<p>(a) Perkembangan</p> <p>(b) Jenis: Negeri dan persekutuan</p> <p>(c) Peruntukan utama: Kewarganegaraan; hak asasi; sistem pemerintahan – raja berperlembagaan, demokrasi berparlimen, dan negara persekutuan</p>	
<p>4. Sistem Pentadbiran Malaysia</p> <p>4.1 Kerajaan Persekutuan</p>	<p>(a) Bidang kuasa – Senarai Persekutuan, Senarai Negeri, dan Senarai Bersama</p> <p>(b) Sistem Kerajaan Persekutuan – Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, Badan Legislatif, Badan Eksekutif, Badan Kehakiman, Suruhanjaya, dan Ketua Audit Negara.</p>	

Tajuk	Huraian	Catatan
4.2 Kerajaan Negeri	<p>(c) Struktur Kerajaan Persekutuan dan fungsinya – Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, kabinet, kementerian, agensi awam, perbadanan awam, dan majlis</p> <p>(d) Sumber kewangan Kerajaan Persekutuan</p> <p>(a) Bidang kuasa – Senarai Persekutuan, Senarai Negeri, dan Senarai Bersama</p> <p>(b) Sistem Kerajaan Negeri – Sultan/ Yang Dipertua Negeri, Dewan Undangan Negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan, dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri</p> <p>(c) Struktur Kerajaan Negeri dan fungsinya – Sultan/ Yang Dipertua Negeri/ Majlis Mesyuarat Kerajaan/ Kabinet Negeri/ Majlis Tertinggi, jabatan, agensi awam, perbadanan awam, dan suruhanjaya</p> <p>(d) Sumber kewangan Kerajaan Negeri</p>	Perhatian hendaklah diberikan juga kepada Sistem Birokrasi Merujuk kepada contoh-contoh kementerian, agensi awam, perbadanan awam, suruhanjaya, dan majlis
4.3 Pihak Berkuasa Tempatan	<p>(a) Bidang kuasa – di bawah kawalan kerajaan negeri dan kuasa autonomi</p> <p>(b) Jenis – Majlis Perbandaran (termasuk Dewan/Majlis Bandar Raya), Majlis Daerah</p> <p>(c) Sumber kewangan Pihak Berkuasa Tempatan</p>	
4.4 Penyelarasan Pentadbiran dan Kewangan	<p>(a) Penyelarasan antara Persekutuan dengan Negeri, Negeri dengan Negeri, Kementerian dengan Kementerian, dan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Tempatan</p>	

Tajuk	Huraian	Catatan
4.5 Jabatan Pembangunan Persekutuan	<p>(b) Penyelarasan Pentadbiran Persekutuan dengan Sabah dan Sarawak</p> <p>(a) Merancang dan menyelaras pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan di peringkat negeri-negeri tertentu</p>	
<p>5. Sistem Perundangan Malaysia</p> <p>5.1 Perkembangan undang-undang di Malaysia</p> <p>5.2 Badan Perundangan</p> <p>5.2.1 Badan Perundangan Persekutuan</p> <p>5.2.2 Badan Perundangan Negeri</p>	<p>(a) Undang-undang bertulis – perlembagaan, akta, enakmen, ordinan, dan perundangan kecil</p> <p>(b) Undang-undang tidak bertulis – undang-undang adat, undang-undang Islam, undang-undang lazim Inggeris, dan doktrin duluan kehakiman</p> <p>(a) Komponen Parlimen – Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara, dan Dewan Rakyat</p> <p>(b) Fungsi Parlimen dan komponennya</p> <p>(c) Pentadbiran Parlimen</p> <p>(d) Keahlian Dewan Rakyat dan Dewan Negara – syarat kelayakan dan keistimewaan</p> <p>(e) Proses penggubalan dan kelulusan rang undang-undang</p> <p>(a) Komponen: Sultan/Yang Dipertua dan Dewan Undangan Negeri</p> <p>(b) Fungsi Badan Perundangan Negeri</p> <p>(c) Keahlian Dewan Undangan Negeri – syarat kelayakan dan keistimewaan</p>	

Tajuk	Huraian	Catatan
<p>5.3 Pindaan Perlembagaan</p> <p>5.4 Pilihan Raya</p>	<p>(d) Proses penggubalan dan kelulusan undang-undang</p> <p>Jenis-jenis pindaan perlembagaan:</p> <p>(a) Pindaan yang memerlukan majoriti 2/3 ahli Majlis Parlimen dan diperkenan oleh Majlis Raja-Raja</p> <p>(b) Majoriti 2/3 ahli Majlis Parlimen</p> <p>(c) Majoriti 2/3 ahli Majlis Parlimen dan kelulusan Yang Dipertua Negeri Sabah dan Sarawak</p> <p>(d) Majoriti mudah Majlis Parlimen</p> <p>(a) Suruhanjaya Pilihan Raya – peranan dan bidang kuasa</p> <p>(b) Perjalanan dan prosedur</p>	<p>Tumpuan juga diberikan kepada sejarah dan perkembangannya</p>
<p>6. Sistem Kehakiman Malaysia</p> <p>6.1 Fungsi kehakiman</p> <p>6.2 Sistem kehakiman</p> <p>6.3 Jenis Mahkamah</p>	<p>(a) Mentadbir keadilan</p> <p>(b) Mengesahkan undang-undang</p> <p>(c) Mentafsir undang-undang</p> <p>(d) Menyelesaikan pertikaian</p> <p>(e) Memelihara hak warganegara</p> <p>(a) Pentadbiran kehakiman</p> <p>(b) Pelantikan dan pemecatan</p> <p>(c) Kebebasan kehakiman</p> <p>(a) Mahkamah Awam</p> <p>(b) Mahkamah Khas</p> <p>(c) Mahkamah Syariah</p> <p>(d) Mahkamah-mahkamah khas</p> <p>(e) Badan pengadilan lain</p>	

Tajuk	Huraian	Catatan
6.3.1 Struktur Mahkamah Awam	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mahkamah Persekutuan (b) Mahkamah Rayuan (c) Mahkamah Tinggi (d) Mahkamah Sesyen (e) Mahkamah Majistret (f) Mahkamah Penghulu 	Tumpuan diberi kepada struktur keanggotaan dan bidang kuasa juga perbezaan struktur mahkamah antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak
6.3.2 Mahkamah Khas	<ul style="list-style-type: none"> (a) Keanggotaan (b) Bidang kuasa 	Tumpuan diberi kepada keanggotaan dan bidang kuasa
6.3.3 Struktur Mahkamah Syariah	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mahkamah Rayuan Syariah (b) Mahkamah Tinggi Syariah (c) Mahkamah Rendah Syariah 	Tumpuan diberi kepada struktur, keanggotaan, dan bidang kuasa
6.3.4 Mahkamah-mahkamah khas	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mahkamah Kanak-kanak (b) Mahkamah Tentera (c) Mahkamah Bumiputera Sabah dan Sarawak (d) Mahkamah Perusahaan (e) Mahkamah Buruh 	Tumpuan diberi kepada struktur, keanggotaan, dan bidang kuasa
6.3.5 Badan pengadilan yang lain	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pesuruhjaya Khas Bagi Cukai Pendapatan (b) Badan tatatertib profesional, misalnya Majlis Peguam dan Persatuan Perubatan Malaysia (c) Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam (d) Tribunal Pengguna (e) Tribunal Perumahan 	
6.4 Atur cara (prosiding) Mahkamah	<ul style="list-style-type: none"> (a) Atur cara sivil (b) Atur cara jenayah 	

Tajuk	Huraian	Catatan
6.5 Perkhidmatan perundangan 6.6 Lembaga Pengampunan	(a) Peguam Negara: Status dan bidang kuasa (b) Peguamcara Negara dan Penggubal Undang-undang Parlimen: Status dan bidang kuasa (c) Biro Bantuan Guaman: Peranan/fungsi (d) Pesuruhjaya Sumpah	 Tumpuan diberi kepada keanggotaan dan proses

Nota:

Calon hendaklah peka terhadap apa jua perubahan, perkembangan, dan penyesuaian yang berkaitan dengan status, bidang kuasa, dan fungsi dalam hal-hal kenegaraan Malaysia.

Bahagian Dasar Negara (44 waktu)

Tajuk	Huraian	Catatan
1. Dasar dalam negara		Tumpuan hendaklah diberi kepada dasar-dasar utama yang meliputi objektif dan strategi
1.1 Dasar Ekonomi	(a) Pra-Dasar Ekonomi Baru	
	(b) Dasar Ekonomi Baru	(a) Dasar Pelbagaian Ekonomi
	(c) Dasar Pembangunan Nasional	(b) Dasar Pertanian
	(d) Dasar Wawasan Negara	(c) Dasar Perindustrian Negara
1.1.1 Pra-Dasar Ekonomi Baru (1956-1970)	(a) Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)	(i) Pelan Induk Perindustrian
	(b) Rancangan Malaya Kedua (1961-1965)	(ii) Dasar Perindustrian Berat
	(c) Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970)	(d) Dasar Persyarikatan Malaysia
1.1.2 Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama: Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)	(a) Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)	(e) Dasar Penswastaan
	(b) Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)	(f) Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara
	(c) Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)	(g) Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam
	(d) Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)	(h) Dasar Belilah Barang Buatan Malaysia
1.1.3 Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua: Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000)	(a) Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)	(i) Dasar Telekomunikasi Negara
	(b) Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)	(j) Koridor Raya Multimedia
1.1.4 Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga: Dasar Wawasan Negara (2001-2010)	(a) Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	
	(b) Rancangan-rancangan pembangunan yang seterusnya	

Tajuk	Huraian	Catatan
<p>1.2 Dasar Sosial dan Pentadbiran</p> <p>1.3 Wawasan 2020</p>	<p>(a) Masyarakat majmuk – masalah perpaduan, usaha-usaha untuk memupuk perpaduan</p> <p>(b) Kecekapan Pentadbiran Awam</p> <p>Objektif dan cabaran</p>	<p>Tumpuan hendaklah diberi kepada:</p> <p>(a) Dasar Pendidikan Negara</p> <p>(b) Dasar Kebudayaan Kebangsaan</p> <p>(c) Rukun Negara</p> <p>(d) Persemuafakatan politik</p> <p>(e) Integrasi Nasional</p> <p>(f) Dasar Kependudukan Negara</p> <p>Tumpuan hendaklah diberi kepada:</p> <p>(a) Dasar Pandang ke Timur (Sikap, struktur, dan latihan)</p> <p>(b) Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran</p> <p>Tumpuan hendaklah diberi kepada cabaran-cabaran, strategi pengisian untuk mencapai matlamat Malaysia maju, dan pembangunan menyeluruh</p>
<p>2. Dasar Luar Malaysia</p> <p>2.1 Faktor penentuan dasar luar</p>	<p>(a) Faktor dalaman</p> <p>(b) Faktor luaran</p> <p>(c) Faktor kepimpinan</p> <p>(d) Faktor sejarah dan budaya</p>	<p>Tumpuan hendaklah diberi kepada kepentingan Malaysia, geostrategik, Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, perpaduan Islam, bekas tanah jajahan, dan Dasar Berkecuali</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
<p>2.2 Perkembangan dasar luar</p> <p>2.3 Malaysia dan negara serantau (ASEAN)</p> <p>2.4 Malaysia dan badan-badan antarabangsa</p>	<p>(a) Era kepimpinan Tunku Abd Rahman Putra Al-Haj</p> <p>(b) Era Kepimpinan Tun Abd Razak Hussein</p> <p>(c) Era Kepimpinan Tun Hussein Onn</p> <p>(d) Era Kepimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed</p> <p>(a) Keanggotaan</p> <p>(b) Bentuk-bentuk kerjasama</p> <p style="padding-left: 20px;">(i) politik</p> <p style="padding-left: 20px;">(ii) ekonomi</p> <p style="padding-left: 20px;">(iii) sosial</p> <p>(c) Cabaran dalaman ASEAN</p> <p>(a) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu</p> <p>(b) Komanwel</p> <p>(c) Kerjasama Selatan-Selatan</p> <p>(d) Pergerakan Negara-negara Berkecuali</p> <p>(e) Pertubuhan Negara-negara Islam</p>	<p>Perbincangan berdasarkan era kepemimpinan kerajaan terdahulu, terkini, dan seterusnya</p> <p>Tumpuan hendaklah diberi kepada aktiviti dan dasar bersama</p> <p>Tumpuan hendaklah diberi kepada penglibatan dan kepentingan Malaysia dalam badan-badan tersebut, termasuk persidangan-persidangan antarabangsa yang utama</p>
<p>3. Isu semasa</p>	<p>Isu-isu, peristiwa, dan projek terkini yang berkaitan dengan pembangunan negara, serantau, dan antarabangsa yang meliputi aspek</p> <p>(a) politik</p> <p>(b) ekonomi</p> <p>(c) sosial</p>	<p>Perbincangan dalam perkara ini boleh juga diaplikasikan dalam teks linear. Antara isu yang boleh dibincangkan ialah perpaduan, hak asasi, keganasan, ketelusan kerajaan, pekerja asing, globalisasi, dan lain-lain</p>

Bahagian Penyelesaian Masalah (34 waktu)

Tajuk	Huraian	Catatan
Masalah berorientasikan kuantitatif dan kualitatif	<ul style="list-style-type: none">(a) membezakan nilai mutlak dan peratusan(b) membina kefahaman asas statistik, formula, kadar, peratusan, skala, sudut sektor, saiz, trend, dan pola perubahan(c) membuat rumusan mudah kuantitatif dan kualitatif	Keupayaan mentafsir dan menyelesaikan pelbagai tugas kuantitatif dan kualitatif

Nota:

Calon hendaklah peka terhadap apa jua perubahan, perkembangan, dan penyesuaian yang berkaitan dengan dasar-dasar negara, isu semasa negara, serantau, dan global.

Bentuk Peperiksaan

Peperiksaan bagi mata pelajaran ini terdiri daripada dua kertas, iaitu Kertas 1 dan Kertas 2

Kertas 1: Aneka Pilihan (2 jam)

Kertas ini mengandungi 60 soalan aneka pilihan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan.

Kertas ini mengandungi soalan-soalan seperti yang berikut:

- (a) Soalan berdasarkan kenegaraan Malaysia yang merangkumi sistem pentadbiran, sistem perundangan, dan sistem kehakiman,
- (b) Soalan berdasarkan pengetahuan am yang merangkumi dasar dalam dan luar negara Malaysia, dan isu-isu semasa,
- (c) Soalan berdasarkan penyelesaian masalah yang merangkumi soalan kuantitatif dan kualitatif.

Kertas 2: Esei (3 jam)

Kertas ini terdiri daripada **lima** bahagian iaitu, Bahagian A, B, C, D, dan E. Calon dikehendaki menjawab enam soalan, iaitu **satu** soalan daripada Bahagian A, B, D, dan E dan **dua** soalan daripada Bahagian C.

Bahagian A (25 markah)

Dua tajuk karangan disiplin sastera akan dikemukakan. Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan berdasarkan tajuk-tajuk yang diberi.

Bahagian B (25 markah)

Dua tajuk karangan disiplin sains akan dikemukakan. Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan berdasarkan tajuk-tajuk yang diberi.

Bahagian C (20 markah)

Bahagian ini mengemukakan empat petikan teks yang terdiri daripada dua petikan disiplin sastera dan dua petikan disiplin sains. Calon dikehendaki menjawab soalan kefahaman dan ulasan berdasarkan satu petikan teks bagi setiap disiplin.

Bahagian D (15 markah)

Bahagian ini mengemukakan dua soalan yang terdiri daripada teks linear. Calon dikehendaki mengalih bentuk daripada linear kepada bukan linear.

Bahagian E (15 markah)

Bahagian ini mengemukakan dua soalan yang terdiri daripada teks bukan linear, dan calon dikehendaki mengalih bentuk kepada linear.

Rumusan tentang kertas soalan, jenis soalan, bilangan soalan yang dikemukakan, masa ujian, markah, dan wajaran adalah seperti yang dinyatakan pada jadual di bawah ini.

Kertas	Jenis Soalan	Bilangan Soalan		Masa Ujian	Markah	Wajaran
Pengajian Am Kertas 1	Aneka Pilihan	60		2 jam	60	37.5%
Pengajian Am Kertas 2	A: Esei Laras Sastera	2	10	3 jam	100	62.5%
	B: Esei Laras Sains	2				
	C: Kefahaman dan ulasan teks	2				
	D: Mengalih bentuk teks linear kepada bukan linear	2				
	E: Mengalih bentuk teks bukan linear kepada linear	2				

Senarai Rujukan

Senarai Bacaan Umum

Bahan-bahan bacaan hendaklah terdiri daripada berbagai-bagai jenis. Antara bahan bacaan adalah seperti yang berikut.

1. Akhbar Harian.
2. Akta-akta yang berkaitan.
3. Buletin dan Risalah Kerajaan.
4. Laman Web Agensi-agensi Awam dan NGO yang relevan
5. Majalah tempatan dan antarabangsa.

Senarai Rujukan

Senarai rujukan di bawah ini merupakan panduan sahaja.

1. Ahmad Atory Hussain, 2001. *Pengantar Pentadbiran Awam: Paradigma Baru*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
2. Ahmad Atory Hussain, 2002. *Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Faiza Haji Tamby Chik, 2001. *Mengenal Mahkamah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. INTAN, 1991. *Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
5. INTAN, 1991. *Malaysia Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-Dasar Pembangunan*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam.
6. INTAN, 1997. *Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
7. Jabatan Perangkaan Malaysia, diterbitkan setiap tahun, *Buku Tahunan Perangkaan*.
8. Kementerian Kewangan Malaysia, diterbitkan setiap tahun, *Laporan Ekonomi*.
9. Kementerian Penerangan Malaysia, *Buku Rasmi Tahunan*.
10. Noor Aziah Mohd Awal, 2003. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan di Malaysia*, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
11. Perlembagaan Persekutuan (Edisi Terkini).
12. Rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.
13. Wan Azmi Ramli, 1993. *Dasar Awam Di Malaysia, Jilid 1*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
14. Wan Azmi Ramli, 1993. *Dasar Awam Di Malaysia, Jilid 2*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
15. Wan Arfah Hamzah, Ramy Bulan, 2003. *An Introduction to The Malaysian Legal System*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
16. Zulhilmi Paidi, Rohani Abd Ghani, 2003. *Kenegaraan Malaysia: Isu-isu Dalam Pembinaan Negara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SOALAN CONTOH

900/1

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 1

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Ada enam puluh soalan dalam ujian ini. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan: anda dikehendaki memilih jawapan yang tepat sekali dan menandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan.

Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Jawab semua soalan. Markah tidak akan ditolak bagi jawapan yang salah: jumlah markah anda dalam ujian ini ialah bilangan soalan yang dijawab dengan betul.

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

STPM 900/1

[Lihat sebelah

- 1 Yang manakah benar tentang matlamat Wawasan 2020?
- I Pengagihan ekonomi yang seimbang
 - II Penggunaan sumber secara optimum
 - III Penekanan terhadap nilai kekeluargaan
 - IV Pembasmian kemiskinan mengikut wilayah
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 2 Pendekatan yang manakah yang digunakan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam Dasar Pembangunan Nasional?
- I Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
 - II Memberi penumpuan kepada pembasmian kemiskinan kaum tertentu
 - III Melibatkan sektor kerajaan dalam proses penyusunan semula masyarakat
 - IV Memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia yang berdaya saing
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 3 Yang manakah antara berikut benar tentang Dasar Pelan Induk Perindustrian Negara?
- I Meluaskan pasaran dalam dan luar negeri
 - II Menumpukan kepada pengimportan teknologi tinggi
 - III Menggalakkan kajian penyelidikan dan pembangunan
 - IV Mengurangkan penglibatan industri kecil dan sederhana
- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV
- 4

<ul style="list-style-type: none">• Sistem pengurusan yang lebih cekap• Pekerja yang setia dan berdedikasi

- Penyataan di atas adalah langkah-langkah bagi
- A Dasar Penswastaan
B Dasar Pandang ke Timur
C Dasar Persyarikatan Malaysia
D Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara

- 5 Yang manakah antara berikut matlamat Dasar Penswastaan?
- I Mengagihkan sumber secara cekap
 - II Mengurangkan beban kewangan kerajaan
 - III Menggalakkan kerjasama sektor swasta dan awam
 - IV Menambahkan kemudahan bagi meninggikan pendapatan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 6 Bertujuan untuk menyatukan fikiran, pendapat dan perasaan rakyat tanpa mengira perbezaan asal keturunan, bahasa, agama, dan budaya.

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Rukun Negara
- B Dasar Ekonomi Baru
- C Dasar Perpaduan Negara
- D Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- 7
- Dasar Pertanian Negara III (1998-2010)**
- Matlamat: Memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor pertanian.

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan strategi pelaksanaan Dasar Pertanian Negara yang Ketiga?

- I Menggalakkan tanaman hutan
 - II Meningkatkan sekuriti makanan
 - III Merangka Rancangan Buku Hijau
 - IV Kajian baru pertanian melalui industri bioteknologi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

8

Dasar		Kesan	
I	Dasar Hala Cara Baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar	X	Meningkatkan mutu dan budaya kerja
II	Dasar Persyarikatan Malaysia	Y	Mengusahakan tanah terbiar secara berkelompok
III	Dasar Pertanian Negara	Z	Mengubah corak kehidupan masyarakat desa

Padanan dasar I, II, dan III dengan kesan X, Y, dan Z yang betul ialah

	I	II	III
A	X	Z	Y
B	Y	X	Z
C	Z	X	Y
D	Z	Y	X

9 Antara yang berikut, yang manakah objektif ZOPFAN?

- I Menjamin pertumbuhan dan kestabilan ekonomi
- II Menjadikan Asia Tenggara Zon Bebas Senjata Nuklear
- III Menyelesaikan pertikaian di Asia Tenggara secara rundingan
- IV Mengelakkan campur tangan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Dasar Luar Malaysia dipengaruhi oleh

- I kepimpinan politik serantau
- II wawasan pemimpin Malaysia
- III pegangan ideologi negara-negara serantau
- IV pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 11** Mengapakah Malaysia kini lebih berminat dengan kerjasama Selatan-Selatan?
- Meluaskan pasaran komoditi Malaysia
 - Mengatasi kegagalan Dialog Utara-Selatan
 - Menjadi jurucakap bagi negara-negara Selatan
 - Menggalakkan pelaburan Malaysia ke peringkat antarabangsa
- 12** Yang manakah merupakan pendirian Malaysia dalam menghadapi isu serantau Asia Tenggara?
- Segala pertikaian hendaklah diselesaikan melalui perundingan.
 - Segala masalah domestik hendaklah diselesaikan oleh rakyat negara itu sendiri.
 - Negara anggota yang lemah perlu menghormati negara anggota yang lebih kuat.
 - Negara anggota diberi peluang untuk terlibat sama menyelesaikan masalah negara jirannya.
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 13** Yang manakah merupakan persetujuan Malaysia bersama ASEAN yang dicapai dalam Deklarasi Hanoi, 1998?
- Menjamin keamanan dan kestabilan politik serantau
 - Bekerjasama dalam mengawal dan menghalang penyakit AIDS/HIV
 - Menyusun semula pelaksanaan Perundingan Ekonomi Asia Pasifik (EAEC)
 - Menggalakkan penggunaan mata wang ASEAN dalam perdagangan intra-ASEAN
- I dan II
 - I dan III
 - II dan IV
 - III dan IV
- 14**
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Pemerhati Tentera Iran-Iraq (UNIMOG) 1988-1991 • Kumpulan Bantuan Peralihan PBB di Namibia (UNTAG) 1989-1990 • Kuasa Peralihan PBB di Kampuchea (UNTAC) 1992-1993 • Pasukan Perlindungan PBB di Bosnia-Herzegovina (UNPROFOR) 1993-1995 |
|---|
- Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia dalam misi-misi di atas adalah bertujuan untuk
- meningkatkan komitmen negara terhadap keamanan sejagat
 - meningkatkan pengalaman dan pendedahan kepada askar-askar tempatan
 - mencari sokongan bagi pencalonan kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan PBB
 - menjalinkan hubungan pertahanan dan ketenteraan dengan negara-negara anggota PBB

15 Yang manakah yang diperjuangkan oleh Malaysia untuk menangani isu-isu sosioekonomi antarabangsa?

- I Beban hutang negara membangun disemak semula.
- II Negara-negara maju mengurangkan rintangan perdagangan.
- III Perundingan Ekonomi Asia Timur menjadi blok perdagangan.
- IV Mewujudkan kerjasama ekonomi di kalangan negara Eropah Timur.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

16 Alasan utama kerjasama serantau Asean khususnya dalam bidang ekonomi kurang membanggakan kerana

- A persaingan guna tenaga
- B pendapatan per kapita yang seimbang
- C pembangunan ekonomi tidak seimbang antara wilayah
- D pasaran domestik lebih penting daripada pasaran serantau

17 Yang manakah antara yang berikut dianggap membelakangkan prinsip-prinsip Rukun Negara?

- I Bekerja di negara asing
- II Membocorkan rahsia rasmi kerajaan
- III Menanggung beban hutang yang banyak
- IV Memandang rendah kepada barangan buatan Malaysia

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

18 Yang manakah antara yang berikut menunjukkan komitmen kerajaan Malaysia terhadap isu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar?

- I Menyokong resolusi Persidangan Rio
- II Menjadi ahli Perjanjian Antartika 1959
- III Mewujudkan dasar sains dan teknologi negara
- IV Mengekalkan Malaysia sebagai wilayah mega *biodiversity*

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

19 Yang manakah antara berikut merupakan usaha yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk mengatasi krisis kewangan yang berlaku pada akhir tahun 1990-an?

- I Menggalakkan rakyat menabung
 - II Menggabungkan institusi kewangan
 - III Mengawal kemasukan pendatang asing
 - IV Meminjam daripada negara-negara maju
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

20 Yang manakah antara berikut merupakan matlamat yang dirancang oleh Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) melalui Deklarasi Kuala Lumpur?

- I Meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan
 - II Mewujudkan kawasan perdagangan bebas
 - III Menyelaraskan sistem pentadbiran antara anggota
 - IV Mengukuhkan interaksi dan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan negara-negara anggota
- A I dan III
 B I dan IV
 C II dan III
 D II dan IV

21 Yang manakah benar tentang fungsi Majlis Tanah Negara?


- A Meluluskan undang-undang tanah
- B Menyeragamkan hasil pungutan cukai tanah
- C Mengeluarkan lesen penukaran status penggunaan tanah
- D Menyelaraskan dasar penggunaan tanah di seluruh Persekutuan

22 Yang manakah benar tentang bidang kuasa perundangan berikut?

	<i>Senarai Persekutuan</i>	<i>Senarai Negeri</i>	<i>Senarai Bersama</i>
A	Buruh	Ternakan	Perumahan
B	Perkapalan	Perpustakaan	Kutu rayau
C	Tanah	Penyu	Kebajikan
D	Biasiswa	Perparitan	Syarikat Kerjasama

- 23 Yang manakah benar tentang Badan Berkanun?
- I Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat
 - II Tidak boleh menubuhkan anak syarikat
 - III Diletakkan di bawah kawalan seorang menteri
 - IV Belanjawan dikawal oleh Perbendaharaan Malaysia
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

24



Agensi Pusat yang menjadi penggerak utama yang membawa perubahan dalam perkhidmatan melalui pelaksanaan program-program di atas ialah

- A Unit Perancang Ekonomi
B Jabatan Perkhidmatan Awam
C Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan
D Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Manusia
- 25 Yang manakah benar tentang peluasan kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan ke atas bidang kuasa Kerajaan Negeri?
- I Memeriksa kegiatan-kegiatan jabatan negeri
 - II Memberi nasihat dan bantuan teknikal
 - III Mengawal belanjawan kerajaan negeri
 - IV Menetapkan hari kelepasan negeri
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 26
- Mempersetujui atau tidak mempersetujui perbuatan, amalan atau upacara agama yang meliputi seluruh Persekutuan
 - Menimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar negara

Perkara-perkara di atas merujuk kepada bidang kuasa

- A Parlimen
- B Kabinet
- C Majlis Raja-Raja
- D Yang di-Pertuan Agong

27 Antara yang berikut, yang manakah tujuan Pihak Berkuasa Tempatan disusun semula?

- I Membolehkan penguasa tempatan menguruskan kewangan sendiri
- II Membolehkan penduduk tempatan memilih wakilnya dalam Pihak Berkuasa Tempatan
- III Membolehkan penguasa tempatan mengambil bahagian yang aktif dalam pembangunan
- IV Membolehkan penguasa tempatan bertindak sebagai pihak berkuasa dalam perancangan bandar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Yang manakah antara berikut yang menyelaras pentadbiran antara Kerajaan persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

- I Majlis Perancang Ekonomi
- II Majlis Keselamatan Negara
- III Mesyuarat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
- IV Jawatankuasa Perhubungan antara Persekutuan dengan Negeri

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

29 Jawatankuasa Akaun Awam yang ditubuhkan di bawah peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bertujuan untuk

- A mengaudit akaun awam
- B mempertimbangkan laporan Ketua Audit Negara
- C menasihati Ketua Audit Negara tentang pengauditan
- D mengaudit dan menyediakan laporan akaun Dewan Rakyat

30 Yang manakah antara berikut merupakan bidang tugas Pihak Berkuasa Tempatan?

- I Memungut cukai tanah
- II Meluluskan pelan pembinaan bangunan
- III Mengeluarkan lesen penjaja pasar malam
- IV Meluluskan pembinaan bangunan kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Antara yang berikut, yang manakah kriteria peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.

- I Jaringan jalan raya
- II Bilangan penduduk
- III Jumlah cukai dan hasil-hasil lain yang diperoleh
- IV Jumlah sumber kewangan Kerajaan Persekutuan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

32 Antara padanan yang berikut, yang manakah benar tentang Badan Berkanun dan Badan Tidak Berkanun?

	<i>Badan Berkanun</i>	<i>Badan Tidak Berkanun</i>
I	Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Dewan Undangan Negeri	Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat
II	Pegawai Perkhidmatan Awam boleh dipinjam	Pegawai Perkhidmatan Awam tidak boleh dipinjam
III	Anggaran belanjawan tahunan tertakluk kepada kawalan agensi pusat	Anggaran belanjawan tahunan tertakluk kepada kawalan agensi pusat
IV	Tidak boleh menubuhkan anak syarikat	Boleh menubuhkan anak syarikat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 33**
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Memberi latihan dan biasiswa kepada kakitangan kerajaan• Menyelesaikan masalah ketidakpuasan dan kebajikan kakitangan kerajaan |
|---|

Pernyataan di atas adalah fungsi

- A** Perbendaharaan
- B** Jabatan Perkhidmatan Awam
- C** Unit Penyelarasan Pelaksanaan
- D** Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Manusia

34 Pelantikan bagi jawatan yang manakah termasuk dalam bidang kuasa Yang Dipertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang?

- I Majistret
 - II Ketua Menteri
 - III Hakim Mahkamah Syariah
 - IV Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Negeri
- A** I dan II
 - B** I dan III
 - C** II dan IV
 - D** III dan IV

35 Yang manakah peruntukan tambahan bagi Sabah dan Sarawak dalam aspek pentadbiran dan hubungannya dengan kuasa Kerajaan Persekutuan?

- I Parlimen tidak boleh menyekat penggunaan bahasa Inggeris di kedua-dua negeri.
 - II Parlimen boleh membuat undang-undang tentang Pihak Berkuasa Tempatan di kedua-dua negeri.
 - III Parlimen tidak ada kuasa menentukan syarat-syarat kewarganegaraan bagi kedua-dua negeri.
 - IV Parlimen tidak boleh melarang Sabah dan Sarawak daripada mengenakan royalti terhadap galian.
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

36 Yang manakah yang berkaitan dengan pembubaran Parlimen?

- I Pembubaran Parlimen adalah atas kuasa Perdana Menteri.
- II Pembubaran Parlimen bermaksud pembubaran keseluruhan Parlimen.
- III Parlimen hanya akan terbubar secara automatik apabila genap tempoh 5 tahun.
- IV Persidangan Parlimen yang baru harus diadakan dalam tempoh 120 hari dari tarikh pembubarannya.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

37 Yang manakah padanan yang benar tentang klasifikasi perundangan?

- I Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen
- II Perundangan yang diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri
- III Undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri di Semenanjung
- IV Undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri di Sabah dan Sarawak

	Ordinan	Enakmen	Statut	Akta
A	III	II	I	IV
B	III	IV	II	I
C	IV	II	III	I
D	IV	III	II	I

38 Pengundi yang manakah yang dibenarkan mengundi secara pos?

- I Encik *P* yang uzur dan dimasukkan ke hospital.
- II Encik *Q* yang sedang menjalani hukuman penjara 10 bulan.
- III Encik *R* yang merupakan salah seorang Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya.
- IV Encik *S* yang akan berkhidmat sebagai kakitangan tidak tetap Suruhanjaya Pilihan Raya.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

39 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang rang undang-undang kewangan?

- I Rang undang-undang dikemukakan dan dimulakan di Dewan Rakyat.
- II Dewan Negara tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang pindaan.
- III Rang undang-undang dikembalikan ke Dewan Rakyat jika Dewan Negara meluluskannya.
- IV Pembentangan rang undang-undang boleh dimulai dalam mana-mana dewan bagi Majlis Parlimen.

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

40 Pindaan perlembagaan yang manakah memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja?

- I Perubahan sempadan antara negeri
- II Pemilihan dan persaraan ahli Dewan Negara
- III Pindaan kuasa imigresen di Sabah dan Sarawak
- IV Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

41 Yang manakah benar tentang peranan Mahkamah Perusahaan dan Mahkamah Buruh?

	Mahkamah Perusahaan	Mahkamah Buruh
A	Mengendalikan kes pembayaran gaji	Mengendalikan kes pembuangan pekerja oleh majikan
B	Mengendalikan kes pembuangan pekerja oleh majikan	Mengendalikan kes cuti dan pembayaran gaji pekerja yang berpendapatan tidak melebihi RM1500
C	Mengendalikan kes pertikaian industri	Mengendalikan kes penggajian buruh yang berpendapatan tidak melebihi RM800
D	Menyelesaikan masalah pekerja bahagian industri	Menyelesaikan semua masalah perburuhan dan pekerjaannya

42

- Memelihara profesionalisme dan disiplin peguam
- Membuat peraturan, menyiasat, dan mengenakan tindakan tatatertib terhadap peguam

Penyataan di atas merujuk kepada fungsi

- A Majlis Peguam
- B Peguam Negara
- C Ketua Hakim Negara
- D Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

43 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Ketua Hakim Negara?

- I Sebagai Pengerusi Mahkamah Persekutuan
- II Hanya boleh dipecat melalui cadangan Tribunal Khas
- III Menjadi penasihat undang-undang kepada kerajaan
- IV Boleh menghakimi perbicaraan di Mahkamah Tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

44 Seseorang saksi dalam mahkamah boleh dicabar kebolehpercayaannya jika

- I mendapat izin daripada Ketua Hakim Negara
- II saksi berkenaan memberikan keterangan secara sukarela
- III melalui keterangan saksi lain mengatakan bahawa saksi berkenaan tidak boleh dipercayai
- IV pernyataan-pernyataan terdahulu saksi berkenaan bercanggah dengan mana-mana bahagian keterangannya yang terbaru

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

45 Pesalah-pesalah yang berikut dipertimbangkan dijatuhi hukuman sebat. Pesalah-pesalah yang manakah yang akan dilepaskan daripada hukuman tersebut?

- I Pesalah perempuan
 - II Pesalah lelaki yang berumur 45 tahun
 - III Pesalah remaja yang berumur 21 tahun
 - IV Pesalah lelaki yang akan menjalani hukuman mati mandatori
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

46 Sebuah kotak mengandungi 60 biji buah mangga, 40 biji buah epal, dan 50 biji buah limau. 20% daripada buah mangga, 30% daripada buah epal dan 40% daripada buah limau telah dimasukkan ke dalam sebuah bakul. Hitung jumlah buah-buahan yang masih tinggal di dalam kotak itu?

- A** 44
- B** 60
- C** 106
- D** 150

Soalan 47 berdasarkan **Jadual 6** di bawah ini.

Jadual 6: Bayaran Balik Bulanan untuk Pinjaman bagi setiap RM1000

<i>Tempoh bayaran (tahun)</i> \ <i>Kadar faedah</i>	4%	6%	8%
1	86.6866	88.333	90.0000
2	44.1830	45.4531	46.7308
3	30.0291	31.1758	32.3362
4	22.9574	24.0493	26.1601
5	18.7189	19.7830	20.8713
6	15.8968	16.9469	18.0263
7	13.8842	14.9279	16.0060
8	12.3773	13.4197	14.5013
9	11.2078	12.2518	13.3400
10	10.2743	11.3223	12.4191

47 Andaian

- Pendapatan bulanan Encik Z adalah RM2000.00.
- Encik Z layak mendapatkan pinjaman membeli kereta sebanyak RM30 000.00.
- Syarikat kewangan menawarkan 4 pakej bagi pinjaman kereta kepada Encik Z.
- Encik Z mampu membayar pinjaman bulanan tidak lebih daripada 30% gaji bulanan.

Yang manakah antara pakej berikut boleh menjadi pilihan Encik Z?

	<i>Kadar faedah</i>	<i>Tempoh bayaran</i>
A	8%	3 tahun
B	6%	5 tahun
C	6%	4 tahun
D	4%	3 tahun

48 Encik R telah menggunakan RM10.00 wang kawannya sebagai kongsi untuk membeli sebiji bakul rotan. Seminggu kemudian, dia berjaya menjual bakul berkenaan dengan harga RM44.00. Harga jualan ini mendatangkan keuntungan kepada mereka sebanyak 10%. Berapakah wang tambahan yang dikeluarkan oleh Encik R semasa dia membeli bakul rotan itu?

- A RM4.00
- B RM30.00
- C RM34.00
- D RM40.00

Soalan 49 berdasarkan **Jadual 4** di bawah ini.

Jadual 4: Guna tenaga mengikut pekerjaan, 1995 dan 2000


Pekerjaan	<i>1995</i>	<i>2000</i>
Profesional dan Teknikal	815 300	1097 100
Pentadbiran dan Pengurusan	213 700	290 100
Pekerja Perkeranian	799 500	933 800
Pekerja Jualan	894 400	1042 600
Pekerja Perkhidmatan	981 500	1169 500
Pekerja Pertanian	1662 200	1486 900
Pekerja Pengeluaran	2548 800	3046 200

49 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang **Jadual 4**?

- I Peratusan golongan profesional dan teknikal adalah yang terendah pada tahun 1995.
 - II Secara perbandingan antara tahun 1995 dengan tahun 2000, terdapat peningkatan dalam semua jenis pekerjaan.
 - III Lebih kurang 3 peratus daripada guna tenaga terlibat dalam pentadbiran dan pengurusan pada tahun 1995.
 - IV Hampir separuh daripada guna tenaga pada tahun 2000 adalah terdiri daripada pekerja pertanian dan pengeluaran.
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 50 berdasarkan Carta 1 di bawah.

Carta 1: Nilai Sektor Pertanian, 1985-1995




50 Yang manakah benar tentang Carta 1?

- I Nilai sebenar sektor perikanan sentiasa bertambah.
 - II Nilai sebenar pengeluaran kayu balak sentiasa menurun.
 - III Peratusan pertambahan keluaran pertanian pada tahun 1995 berbanding tahun 1990 ialah 25 peratus.
 - IV Peratusan perubahan keluaran sektor getah antara tahun 1985 dengan tahun 1990 adalah lebih tinggi daripada peratusan perubahan antara tahun 1990 dengan tahun 1995.
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

Soalan 51 berdasarkan Carta 2 di bawah ini.

Carta 2: Perdagangan Malaysia dengan Jepun, 1980-1991

RM (Ribu juta)



Petunjuk:


- Jumlah perdagangan
- Jumlah eksport
- - - Jumlah import

51 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang pola perdagangan antara Malaysia dengan Jepun dari tahun 1980 hingga tahun 1991?

- I Jepun mencatatkan imbalan perdagangan yang positif.
 - II Jumlah import dan eksport Malaysia melebihi RM10 ribu juta pada tahun 1984.
 - III Malaysia mencatatkan lebih dagangan dengan Jepun hanya pada tahun 1980, 1985, dan 1990.
 - IV Import Malaysia dari Jepun meningkat lebih daripada RM10 ribu juta dari tahun 1988 hingga tahun 1991.
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

Soalan 52 berdasarkan gambar rajah di bawah ini.

Guna Tenaga dan Kadar Pengangguran di Malaysia, (1990-1994)



52 Yang manakah benar tentang gambar rajah di atas?

- I Bilangan guna tenaga pada tahun 1992 ialah 21.6 juta orang.
 - II Bilangan guna tenaga menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.
 - III Bilangan guna tenaga meningkat sebanyak 9.9% bagi tempoh 1990-1994.
 - IV Kadar pengangguran telah berkurang pada kadar 75% bagi tempoh 1990-1994.
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV


Soalan 53 berdasarkan **Jadual 5** di bawah ini.

Jadual 5: Keluaran Tenaga Kerja Mahir dan Separuh Mahir mengikut kursus di sektor awam, 1995 dan 2000


<i>Pekerjaan</i>	<i>1995</i>	<i>2000</i>
Ketukangan Mekanikal	11 766	11 862
Ketukangan Bangunan	3 405	3 954
Ketukangan Percetakan	102	2 392
Ketukangan Elektrik	8 647	10 896
Ketukangan Awam	230	236
Jumlah	24 150	29 340

53 Antara carta pai yang berikut, yang manakah menggambarkan data dalam Jadual 5 masing-masing bagi tahun 1995 dan tahun 2000?


I




II



III




IV



- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

Petunjuk:



54 Lantai sebuah bilik yang berukuran 15 meter x 10 meter ditutup dengan permaidani yang dibeli dengan harga RM960.00. Berapakah harga semeter permaidani itu yang lebarnya 5 meter?

- A RM6.40
- B RM32.00
- C RM64.00
- D RM192.00

55 Encik *P* dan *Q* masing-masing ditugaskan untuk memotong rumput di padang yang berlainan tetapi yang sama luasnya. Encik *P* mengambil masa 1 jam 30 minit untuk memotong rumput seluas satu pertiga daripada padang itu. Berapa minitkah masa yang diambil oleh Encik *Q* untuk menyempurnakan tugas pemotongan rumput seluruh padang jika keupayaan Encik *Q* adalah dua kali ganda keupayaan Encik *P*?

- A 15 minit
- B 45 minit
- C 75 minit
- D 135 minit

56 Empat pasangan P, Q, R, dan S hendak mengambil tempat duduk di dalam sebuah panggung wayang. Setiap baris mempunyai lapan tempat duduk. Mereka duduk di baris yang sama, tetapi pasangan P enggan duduk bersebelahan dengan pasangan Q, pasangan Q pula enggan duduk bersebelahan pasangan R, manakala pasangan S pula enggan duduk bersebelahan pasangan P.

Yang manakah antara susunan berikut yang dapat menyelesaikan masalah di atas?

- A P, Q, R, dan S
- B P, R, Q, dan S
- C P, R, S, dan Q
- D P, S, R, dan Q

57 Andaian:

Enam orang pelajar P, Q, R, S, T dan U duduk di sebuah meja bulat. U duduk di selang satu kerusi dari P dan di sebelah T. Pelajar S pula duduk di sebelah kanan R yang jaraknya selang satu kerusi dari P. Pelajar U dan S duduk bersebelahan.

Merujuk kepada andaian di atas, kedudukan pelajar yang tepat mengikut arah pusingan jam, jika dimulakan dari P ialah

- A P, Q, R, S, U, dan T
- B P, R, Q, U, T, dan S
- C P, T, U, S, R, dan Q
- D P, U, S, Q, R, dan T

58 Lima buah gerai iaitu *P*, *Q*, *R*, *S* dan *T* adalah sederet. Pemilik gerai terdiri daripada tiga lelaki, iaitu Gopal, Hasan dan Jimmy dan dua wanita iaitu Fatimah dan Kartini. Maklumat tentang gerai, pemiliknya, dan barang perniagaan mereka adalah seperti berikut:

- Pakaian dijual di gerai *S*, dan pemiliknya bukan lelaki
- Gerai Fatimah bersebelahan gerai Kartini
- Pemilik gerai *R* menjual jam, dan pemiliknya bukan Fatimah
- Gerai Gopal terletak antara gerai yang menjual jam dengan gerai yang menjual buku

Berdasarkan maklumat tersebut, siapakah pemilik gerai *Q*.

- A Gopal
- B Hasan
- C Jimmy
- D Fatimah

Soalan **59** dan **60** berdasarkan pernyataan berikut:

- Pada jam 7.30 pagi, tiga orang sahabat pergi ke Hentian Puduraya, Kuala Lumpur untuk membeli tiket bas
- *P* hendak pergi ke Kuantan, *Q* ke Ipoh, dan *R* ke Johor Bahru
- Belum ada kaunter beroperasi
- Mereka berbaris di lorong kaunter yang berlainan

P berdiri nombor lima dari belakang. Di hadapannya ada tiga orang lelaki dan dua orang perempuan.

Q berdiri nombor lapan dari hadapan. Di belakangnya ada dua orang lelaki dan seorang perempuan.

R berdiri di tengah-tengah barisnya. Ada enam orang lelaki di hadapannya.

59 Berapakah jumlah orang yang berbaris untuk membeli tiket di Hentian Puduraya ketika itu?

- A 17 orang
- B 19 orang
- C 28 orang
- D 34 orang

60 Jika semua kaunter beroperasi serentak jam 8:00 pagi, dan setiap orang memerlukan lima minit untuk mendapatkan tiketnya, pada jam berapakah urusan pembelian tiket oleh ketiga-tiga sahabat itu selesai?

- A Jam 8:30 pagi
- B Jam 8:40 pagi
- C Jam 9:30 pagi
- D Jam 9:45 pagi

HALAMAN KOSONG

SOALAN CONTOH

900/2

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 2

(Tiga jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

Jawab **enam** soalan. Pilih **satu** soalan daripada tiap-tiap bahagian A, B, D, dan E, dan **dua** soalan dalam bahagian C.

Gunakan lembaran kertas yang berlainan bagi tiap-tiap bahagian.

Markah untuk tiap-tiap bahagian diberikan dalam tanda kurung [].

NOTA

Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf.
Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan.

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

STPM 900/2

[Lihat sebelah

Bahagian A

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25]

- 1** Masyarakat penyayang merupakan suatu aspek yang penting dalam usaha membentuk Malaysia sebagai sebuah negara maju sebagaimana yang dinyatakan dalam Wawasan 2020. Bincangkan cara-cara dan halangan-halangan yang dihadapi dalam mencapai hasrat itu.
- 2** Muzium merupakan gedung menyimpan dan mempamerkan bahan-bahan yang mempunyai nilai sejarah, seni, dan sains. Bincangkan peranan muzium dalam konteks pembangunan sesebuah negara dan masyarakat.

Bahagian B

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25]

- 3** “Kepentingan hidupan liar kepada alam dan manusia memang tidak dapat dinafikan lagi, namun begitu bilangannya dikatakan semakin berkurangan.” Huraikan bagaimanakah masalah ini dapat ditangani.
- 4** “Matematik memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia.” Bincangkan pernyataan ini.

Bahagian C

Jawab **dua** soalan sahaja dalam bahagian ini, satu daripada soalan 5 dan satu daripada soalan 6. [20]

5 (a) “Sebenarnya tidak patut ada kebimbangan pada sesetengah pihak, kerana rakyat itu sendiri yang akan memberikan penilaian terhadap sesuatu isu negara. Maksudnya jika rakyat didedahkan dengan sumber maklumat yang adil, maka mereka akan membuat pertimbangan sewajarnya demi kebaikan semua pihak. Rakyat sekarang lebih berfikiran terbuka dan boleh menilai yang mana rasional dan yang mana tidak. Kesimpulannya, prinsip keadilan itulah yang ingin didominasi oleh rakyat. Dan akhbarlah yang diharap menjadi medium suara rakyat...”

(Tan Sri A. Samad Ismail, “Kebebasan Media di Malaysia”,
Dewan Masyarakat, Februari 1999)

(i) Apakah yang diharapkan dapat dilakukan oleh rakyat sekiranya mereka didedahkan dengan sesuatu maklumat yang adil dan benar?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, jelaskan kenapakah akhbar diharap dapat menjadi medium suara rakyat ?

ATAU

(b) “...Saya yakin bahawa kejayaan Jepun mengekalkan jati diri nasionalnya dalam era pensejagatan (globalisasi) banyak dipengaruhi oleh kejayaannya mengukuhkan bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan yang mantap, mampu menerima dan menyerap pengetahuan baru dari luar dan boleh menyebarkan pengetahuan tersebut kepada masyarakat secara berkesan. Dalam era pensejagatan ini, terdapat pelbagai jenis pengetahuan yang perlu diserap atau dipinjam dari luar...”

(Prof Yoshihara Kunio, *Dewan Budaya*, November 2002)

(i) Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyebabkan masyarakat Jepun berjaya mempertahankan jati diri mereka di tengah-tengah gejala pensejagatan itu?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, nyatakan apakah peranan yang sebenarnya yang boleh dimainkan oleh sesuatu bahasa kebangsaan dalam usaha mempertahankan jati diri sesebuah bangsa.

6 (a) "... Kehadiran teknologi maklumat dan internet dalam dunia ini telah menjadikan sesetengah kelompok individu menghadapi sejenis penyakit atau kecelaruan yang dikenali sebagai ketagihan internet (internet addiction disorder) ataupun ketagihan komputer. Malah ada individu yang menganggap komputer dan internet sebagai sebahagian dari diri dan kehidupan mereka dan mereka akan dirundung rindu resah dan gundah-gulana sekiranya tidak berpeluang 'melayani sahabat' mereka ini ..."

(*Majalah Minda*, Disember 2001)

(i) Apakah yang anda faham mengenai konsep "ketagihan" internet atau ketagihan komputer ini?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, perihalkan kemungkinan kesan-kesan tertentu akibat daripada ketagihan komputer.

ATAU

(b) "... Antara prinsip utama dasar terbaru Malaysia mengenai biodiversiti ialah dengan mengiktiraf bahawa biodiversiti adalah satu warisan negara (*national heritage*) yang mesti diurus dengan baik dan secara bijaksana untuk kegunaan kini dan untuk generasi masa depan ..."

(*Majalah MASSA*, 13-19 Julai 2002)

(i) Apakah yang anda faham tentang biodiversiti sebagai warisan negara?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, kemukakan kaedah yang sesuai bagi menjamin biodiversiti kekal sebagai warisan negara.

Bahagian D

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

[15]

7 Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf bar yang sesuai untuk menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi di pelbagai sektor di Malaysia.

Pada tahun 2001, semua sektor ekonomi dijangka mengalami pertumbuhan positif dengan sektor perkilangan terus mencatatkan pertumbuhan, iaitu pada kadar 12% berbanding dengan kadar pertumbuhan pada tahun 2000, iaitu sebanyak 17%. Meskipun terdapat kebimbangan bahawa pertumbuhan industri berorientasikan eksport mungkin berkurang berikutan ekonomi Amerika Syarikat yang mengalami kemelesetan dan penjualan komputer peribadi yang berkurangan, pengeluaran industri yang berorientasikan eksport Malaysia dijangka masih mampu berkembang pada kadar 12%.

Sektor pembinaan dijangka berkembang dengan lebih kukuh pada kadar 5.5% berbanding dengan 3.1% pada tahun 2000. Perkembangan sektor ini adalah berdasarkan pelaburan sektor swasta dalam projek penswastaan dan peruntukan belanjawan untuk kemudahan sosial yang lebih tinggi. Pertumbuhan yang mapan dan pendapatan yang meningkat dijangka terus menggalakkan permintaan dan pertumbuhan aktiviti pembinaan. Sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar adalah besar, bagaimanapun dianggarkan kekal pada kadar 3.4%.

Satu lagi sektor ekonomi yang diramal berkembang dengan perlahan ialah sektor perlombongan yang dijangka mencatat pertumbuhan 1.7%. Pada tahun 2000, sektor ini berkembang pada kadar 0.6% sahaja. Permintaan terhadap gas asli yang meningkat menyebabkan pengeluaran gas asli bertambah kepada 4384 juta kaki padu standard sehari (jkps/h) berbanding dengan pengeluaran pada tahun 2000, iaitu 3882 jkps/h. Pengeluaran minyak mentah dijangka berkurang berdasarkan sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Begitu juga dengan pengeluaran timah.

Sektor pertanian, penternakan, perhutanan, dan perikanan diramalkan berkembang sebanyak 1.8% pada tahun ini berbanding dengan kadar pertumbuhan pada tahun 2000, iaitu 0.5%. Pengeluaran sektor ini dijangka meningkat kepada RM18 493 juta berbanding dengan pengeluaran pada tahun 2000 yang bernilai RM18 166 juta.

Memandangkan kegiatan ekonomi yang lebih tinggi, nilai ditambah sektor perkhidmatan yang diterajui oleh sektor kecil pengangkutan, penyimpanan, dan perhubungan serta sektor kecil kewangan, insurans, hartanah, dan perkhidmatan perniagaan dijangka mencatatkan pertumbuhan mapan sebanyak 5.2% berbanding dengan tahun 2000, iaitu hanya 4.9%.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Kementerian Kewangan Malaysia,
Laporan Ekonomi 2000-2001)

8 Berdasarkan petikan di bawah, sediakan carta pai yang menunjukkan perbandingan peruntukan pembangunan kerajaan Persekutuan mengikut sektor bagi tempoh tahun 1991 hingga tahun 2000.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, sektor ekonomi akan diberikan peruntukan yang terbesar, iaitu sebanyak RM33.7 bilion daripada jumlah peruntukan sebanyak RM67.5 bilion. Sektor ekonomi juga merupakan sektor yang mendapat peruntukan yang terbesar dalam Rancangan Malaysia Keenam. Sektor ini menerima peruntukan sebanyak RM29.8 bilion daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Keenam, iaitu RM58.4 bilion.

Dalam sektor ekonomi, sektor kecil pengangkutan dan komunikasi diperuntukkan sebanyak RM15.8 bilion atau 23.4% daripada peruntukan pembangunan. Sektor kecil pembangunan pertanian pula diperuntukkan sebanyak RM5.5 bilion. Sektor kecil perdagangan dan perindustrian mendapat peruntukan sebanyak RM5.9 bilion; sektor kecil utiliti diperuntukkan sejumlah RM5.1 bilion atau 7.7% daripada peruntukan pembangunan dengan 6.0% daripadanya diagihkan kepada projek sumber air dan selebihnya kepada projek tenaga.

Dalam sektor sosial, Rancangan Malaysia Ketujuh memperuntukkan RM19.8 bilion. Ini merupakan bahagian yang tertinggi pernah diperuntukkan berbanding dengan beberapa rancangan yang lalu. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sektor ini diperuntukkan sebanyak RM14.8 bilion. Daripada sektor tersebut, sektor kecil pendidikan diberi keutamaan. Namun demikian, sektor kecil kesihatan tidak diabaikan dan sektor kecil ini mendapat peruntukan sebanyak RM2.7 bilion. Sebahagian besar peruntukan adalah untuk program pencegahan dan pemulihan.

Sektor keselamatan diperuntukkan sebanyak RM9.2 bilion daripada jumlah peruntukan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sektor ini menerima peruntukan sebanyak RM11.1 bilion. Peruntukan untuk sektor ini berkurang sebanyak RM1.9 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk pembelian kelengkapan ketenteraan. Hanya RM2.2 bilion diagihkan untuk sektor kecil keselamatan dalam negeri dengan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion untuk Polis Diraja Malaysia.

Sektor pentadbiran am diperuntukkan sebanyak RM4.8 bilion, iaitu pertambahan sebanyak 77.8% daripada peruntukan Rancangan Malaysia Keenam. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sektor pentadbiran am diperuntukkan sebanyak RM2.7 bilion.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*)

Bahagian E

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

[15]

9 Berdasarkan jadual di bawah, nyatakan tentang keadaan guna tenaga mengikut sektor di Malaysia pada tahun 2000 dan 2010, dan jelaskan mengapa wujudnya keadaan yang sedemikian.

Malaysia: Guna tenaga mengikut sektor, 2000-2010
(‘000 orang)


Sektor	2000	%	2010*	%	Kadar pertumbuhan tahunan purata (%) 2001-2010
Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan	1 407.5	15.2	1 231.0	9.8	-1.3
Perlombongan dan Kuari	41.2	0.4	41.8	0.3	0.1
Pembuatan	2 558.3	27.6	3 833.3	30.4	4.1
Pembinaan	755.0	8.1	1 012.4	8.0	3.0
Elektrik, Gas dan Air	75.0	0.8	99.2	0.8	2.8
Pengangkutan, Penyimpanan, dan Komunikasi	461.6	5.0	669.7	5.3	3.8
Perniagaan Borong dan Runcit, Hotel, dan Restoran	1 584.2	17.1	2 159.7	17.1	3.1
Kewangan, Insurans, Hartanah, dan Perkhidmatan Perniagaan	508.7	5.5	775.9	6.2	4.3
Perkhidmatan Kerajaan	981.0	10.6	1 206.3	9.6	2.1
Perkhidmatan lain	898.7	9.7	1 582.0	12.5	5.8
JUMLAH	9 271.2	100.0	12 611.3	100.0	3.6
Tenaga buruh	9 572.5		12 939.6		3.1
Tempatan	8 823.3		12 589.6		3.6
Asing	749.2		350.0		-7.3
Pengangguran	301.3		328.0		
Kadar pengangguran (%)	3.1		2.5		

* Anggaran

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2001-2010)

10 Berdasarkan gambar rajah di bawah, bincangkan faktor-faktor yang secara langsung dan secara tidak langsung mempengaruhi amalan makanan dan pemakanan masyarakat pada hari ini.

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Amalan Makanan dan Pemakanan



(Disesuaikan daripada Victor King & Nazaruddin Mohd Jali (ed.), *Issues on Rural Development in Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, Halaman 381)